



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

15 Sep 2020 (Selasa)

Berita Harian

Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar mula operasi Oktober	1
Pinda akta tambah denda kes cemar air	2
Khalid terharu Sultan Selangor hormati jasa	3

Utusan Malaysia

Cemar sungai: Lima termasuk empat beradik didakwa hari ini	4
Malaysia komited jadi destinasi pelaburan terbaik	5
Pencemaran Sungai Gong: Tindakan di bawah SOSMA	6
Kita terlalu bagi muka	7
Kasut Emas Khalid milik Sultan Selangor	8

Harian Metro

Empat pengarah pengurus kilang didakwa hari ini	9
Pembeli Diraja	10

Kosmo

LZS kutip RM17 juta zakat melalui online	11
Ramai pesakit mohon bantuan perubatan	12
Sultan Selangor beli Kasut Emas milik Khalid Jamlus	13

Sinar Harian

Pindaan AKAS 1974 dibentang tahun depan	14
Pasukan elit cegah jenayah alam sekitar	15
Sultan Selangor berkenan beli trofi Kasut Emas Khalid	16
Khalid terharu Sultan Selangor berkenan beli Kasut Emas	17

The Star

MBPJ TAX REBATE	18
Selangor folk seek long-term solution to flood woes	19
Environmental criminals beware	20
Groups laud setting up of environmental unit	21
Pollution suspects to be charged today	22
Digitalising to benefit businesses	23
Sultan buys Khalid Jamlus' Golden Boot	24

New Straits Times

Selangor ruler buys Khalid's Golden Boot	25
WATER SQUAD BEGINS OP NEXT MONTH	26
Workers have duty to expose wrongdoings of company	27

The Sun

5 to be charged for dumping effluents	28
Environmental crime prevention unit created	29

The Malaysian Reserve

Special task force formed to tackle environmental crimes	30
--	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
15 September 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar mula operasi Oktober
Muka Surat	:	5

Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar beroperasi Oktober



Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) serta Kementerian Dalam Negeri (KDN) semalam secara rasmi menubuhkan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar (UCJAS). Pasukan khas dianggotai penguat kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Biokeselamatan (JBK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu dijangka beroperasi awal bulan depan dengan 32 anggota sebelum ditambah kepada 200 anggota yang akan ditempatkan di enam zon di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

Muka 5

Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar mula operasi Oktober

Pasukan babit kerjasama pelbagai agensi penguat kuasa

Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar (UCJAS) diwujudkan secara rasmi semalam, menubuhkan kerjasama strategik di antara Kementerian Alam Sekitar dan Air serta Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Pasukan khas itu menubuhkan kerjasama antara unit penguat kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Biokeselamatan (JBK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Semalam 32 anggota mengahului peranti pasukan elit itu yang bertanggungjawab mencegah jenayah alam sekitar seperti meragui isi pencemaran yang anjakan berkesan di negara ini secara holistik dan proaktif.

Menurut Alam Sekitar dan Air, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata penubuhan unit ini, dijangka memulakan operasinya awal Oktober ini, sebelum keanggotaan ditambah sehingga 200 orang untuk penguat kuasa enam zon di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Berita berkata, perubahan paksi ini dibuat berkaitan dengan masa proses perubahan struktur dan penubuhan bersama di kalangan agensi.

Katanya, agensi penguat kuasa dalam Kementerian memerlukan sokongan dari segi sumber logistik, peralatan, formasi dan risiko, bekalan anggota pengunit khas serta pemantauan unit

dioperasikan, berkaitan menubuhkan penubuhan perjawatan dan peruntukan kewangan tambahan.

Katanya, meyarat semalam juga bertujuan membolehkan PDRM mengambil tindakan segera terhadap pencemaran alam sekitar merentasi peruntukan kuasa Alam Sekitar dan Air di bawah 1974 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, selepas peralihan kuasa ke Akta Biokeselamatan 2017.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acriji Sani Abdullah Sani, memotivasi penubuhan pasukan khas itu sebagai usaha amat positif dan proaktif bagi menangani jenayah alam sekitar secara lebih menyeluruh.

"Saya setuju 100 peratus dengan usaha menubuhkan pasukan ini, ia satu perkembangan amat positif. Memerangi penubuhan ini kita akan ambil tindakan tegas terhadap pihak tidak bertanggungjawab yang menyalah hukum kita dan tidak keadilan orang."

"Kita mahu pihak terlibat lebih takut sebelum berbuat demikian. Pasukan ini membolehkan jenayah alam sekitar seperti pencemaran sungai dan pencemaran tanah dapat ditangani," katanya, pada sidang media.

Tindakan Pengerusi (Siasatan Perundangan) Jabatan Siasatan Jenayah (SJK) Bukit Aman, Deputy Komander Mier Faridulrahman Mohd, yang turut hadir meyarat khas semalam, berkata penubuhan pasukan itu tepat pada masanya selepas melihat isu pencemaran alam sekitar ketika ini boleh dikategorikan sebagai jenayah berongkah.

"Saya siapa betul pasukan ini tidak penting. Tujuan utama penubuhan unit ini untuk mempastikan penyediaan maklumat berkaitan risiko dan formatik."

"Maksudnya penemuan mereka diawasi jenayah terancang dan kawal pengangkutan secara konvensional tidak lagi berkesan," katanya pada BFC.



- RAJAT OPERASI**
- 1. Membebaskan Unit Pengangkutan Jabatan Alam Sekitar (JAS)
 - 2. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Biokeselamatan (JBK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM)
 - 3. Operasi unit di Sarawak, JAS
- BIKING TUGAS**
- 1. Aktiviti makan penyusutan agensi
 - 2. Berfikir berfikir dan pemantauan pengangkutan
 - 3. Menubuhkan pasukan khusus ke arah formatik
 - 4. Menubuhkan peranti pengunit alam sekitar Malaysia
- OBJEKTIF PENUBUHAN**
- 1. Memastikan pengangkutan Alam Sekitar dan Air
 - 2. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air
 - 3. Menjalankan penguat kuasa alam sekitar
 - 4. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air
 - 5. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air
 - 6. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air
 - 7. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air
 - 8. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air
 - 9. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air
 - 10. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air
- KANGKOTAKAN**
- 1. UCJAS diwujudkan bersejarah awal Oktober 2020 dengan 32 anggota
 - 2. JAS
 - 3. SPAN
 - 4. JBK
 - 5. PDRM
 - 6. SPAN
 - 7. JBK
 - 8. PDRM
 - 9. SPAN
 - 10. JBK
 - 11. PDRM
 - 12. SPAN
 - 13. JBK
 - 14. PDRM
 - 15. SPAN
 - 16. JBK
 - 17. PDRM
 - 18. SPAN
 - 19. JBK
 - 20. PDRM

1. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

2. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

3. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

4. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

5. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

6. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

7. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

8. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

9. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

10. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

11. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

12. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

13. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

14. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

15. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

16. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

17. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

18. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

19. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air

20. Memastikan perkhidmatan Alam Sekitar dan Air



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
15 September 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pinda akta tambah denda kes cemar air
Muka Surat	:	17

Sidang Dewan Negara

Pinda akta tambah denda kes cemar air

AKAS 1974
akan dibenteng
di Parlimen
tahun depan

Kuala Lumpur: Sebagai langkah meningkatkan kadar denda maksimum bagi kes pencemaran air di samping memastikan pendekatan itu bersifat pencegahan, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) akan dibenteng untuk dipinda di Parlimen tahun depan.

Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Senator Datuk Dr

Ahmad Masrizal Muhammad, berkata jumlah denda masih belum dimuktamadkan dengan mengambil kira pandangan pelbagai pemegang taruh dan pakar alam sekitar.

“Di bawah AKAS 1974, bagi kesalahan berkaitan pencemaran air, denda maksimum boleh dikenakan RM100,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya ketika menggulung perbahasan usul menjunjung kasih titah Yang di-Pertuan Agong, di Dewan Negara di sini, semalam.

Sementara itu, Ahmad Masrizal berkata, pembangunan premis yang beroperasi berhampiran

sungai perlu diberi perhatian serius bagi mencegah berlaku pencemaran yang boleh menjejaskan bekalan air bersih kepada rakyat.

Katanya, aspek penguatkuasaan melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan terus dipertingkatkan dengan memeriksa punca pencemar termasuk kilang, loji kumbahan, bengkel dan lain-lain terutama yang terletak di hulu loji rawatan air.

“Operasi secara besar-besaran dengan kerjasama daripada pelbagai agensi penguat kuasa mengikut bidang kuasa masing-masing akan terus dilaksanakan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pemeriksaan punca pencemar,” katanya. **BERNAMA**



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
15 September 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Khalid terharu Sultan Selangor hargai jasa
Muka Surat	:	46



Terima kasih Tuanku!

Bekas penyerang kebangsaan, Khalid Jamrus terharu apabila Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah sanggup membeli Kasut Emas Liga Perdana yang dimenangi walaupun jasanya kepada negeri itu tidak seberapa. *Lihat muka 46*

DIHIMPIL LIGA PERDANA 2002 ANUGERAH KASUT EMAS

Khalid terharu Sultan Selangor hargai jasa



Kuala Lumpur: Anugerah Kasut Emas Liga Perdana yang dimenangi bekas penyerang kebangsaan, Khalid Jamrus pada musim 2002 akhirnya tiba di 'tempat' yang sepatutnya.

Bukan di tangan individu perorangan, sebaliknya anugerah berprestij yang dimenangkannya ketika beraksi bersama Perak itu akan menjadi milik Museum Galeri Bola Sepak Selangor yang terletak di pekanrangan Istana Alam Shah, Klang.

Khalid berkata, tidak ada lagi tempoh lebih layak untuk anugerah 'rumah baharu' anugerah tersebut dan ia boleh dijadikan sebagai pilihan yang terbaik apabila Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan membelinya.

Menjelang tamat menanti perkaranya, bekas pembantu jurutera FAMM itu nampak terharu atas keperhatian yang ditunjukkan Sultan Sharafuddin Idris Shah yang jelas menghargai sumbangsanya yang sebelum ini pernah membar bakti bersama skuad The Red Giants.

Amputan Tuanku, walaupun pertanggung saya bernama Selangor tidak begitu lama, tetapi Tuanku masih menghargai jasa saya bersama Selangor dan pasukan kebangsaan.

"Saya, setiap terharu. Dicalit Tuanku," katanya.

Menyerasi satu keputusasaan yang dimuatkan di Facebook Selangor Royal Office semalam, baginda membalik komen berbarisan pada satu nilai yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Malah, baginda juga berkenan memfikirkan trofi Kasut Emas itu di Museum Galeri Bola Sepak Selangor dengan motif persembahan ringkas bertiangseng di Istana Alam Shah, semalam.

Sebelum ini, Khalid melepaskan anugerah yang dimenangkannya 18 tahun lalu itu atas faktor kewangsaan selepas tidak mencekoki pekerjaan selama tiga tahun dan menandatangani sebarang RM300,000 untuk kasut itu daripada seorang individu yang hanya dikenali sebagai 'Tuah Nio'.

Khalid memfikirkan individu tersebut berkecuali dengan harga yang dibayarkannya, namun halanya akan mengambil anugerah itu sebagai peluang ke tambah air memandangkan dia ketika itu sedang berada di Australia.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
15 September 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Cemar sungai: Lima termasuk empat beradik didakwa hari ini
Muka Surat	:	2

Cemar sungai: Lima termasuk empat beradik didakwa hari ini

SHAH ALAM: Empat beradik yang merupakan pengarah kilang jentera berat yang menyebabkan pencemaran di Sungai Gong, Rawang akan didakwa di Mahkamah Sesyen Selayang hari ini.

Turut didakwa di mahkamah sama ialah pengurus kilang tersebut.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Fadzil

Ahmat berkata, pertuduhan terhadap kelima-lima individu terbabit akan dilakukan pukul 8 pagi di mahkamah tersebut.

“Pejabat Peguam Negara telah memutuskan dua kertas pertuduhan iaitu Seksyen 430 Kanun Keseksaan dan Seksyen 25 Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.

“Kedua-dua pertuduhan di bawah seksyen ini akan dibacakan bersama mengikut Sek-

syen 34 Kanun Keseksaan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pencemaran Sungai Gong yang disyaki berpunca dari kilang jentera berat itu mengakibatkan tujuh wilayah di sekitar Lembah Klang dengan kira-kira lima juta penduduk mengalami gangguan air selepas empat Loji Rawatan Air (LRA) dihenti tugas.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 September 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Malaysia komited jadi destinasi pelaburan terbaik
Muka Surat	:	3

Malaysia komited jadi destinasi pelaburan terbaik

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**
 aimy.ahmad@mediamula.com.my

MELAKA: Kerajaan komited mewujudkan persekitaran pelaburan sihat dalam negara untuk menjadi destinasi pelaburan terbaik di Asia Tenggara.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, keyakinan itu penting bagi menggalakkan pelabur menambah pelaburan mereka.

Menurutnya, sektor perkilangan juga direkodkan menyumbang sebanyak 22.3 peratus kepada kadar pertumbuhan ekonomi negara pada tahun lepas.

“Daripada jumlah itu, industri elektronik merupakan penyumbang utama dalam sektor perkilangan berdasarkan jumlah pelaburan daripada syarikat-syarikat antarabangsa,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri semalam.

Terdahulu, Muhyiddin melawat kilang Infineon Technologies di Batu Berendam selepas hadir mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC).

Turut serta ialah Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md. Ali dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Da-



MUHYIDDIN Yassin melambai tangan kepada para pekerja Infineon Technologies ketika melawat kilang itu di Batu Berendam, Melaka, semalam. - UTUSAN/ RASUL AZLI SAMAD

tuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Perdana Menteri turut mengumumkan komitmen Infineon untuk melabur sejumlah RM3.25 bilion dalam jangka masa 10 tahun sehingga 2029.

Melalui pelaburan itu, Infineon telah membuka jalan untuk merencanakan nilai rantaian sektor semi konduktor ke arah proses berkeuntungan tinggi seperti *Packaged Integrated Circuit*.

“Pelaburan ini menjadi mer-

cu tanda dalam hubungan kerjasama pelbagai bidang antara Malaysia-Jerman dan juga simbol tahap keyakinan tinggi oleh pelabur asing terhadap kestabilan dan daya tarikan Malaysia.

“Dengan pengalaman selama 40 tahun dalam bidang semi konduktor automotif, Infineon membuktikan keupayaan mereka untuk terus memacu industri elektronik maju ke hadapan,” katanya.

Malaysia adalah satu-satu-

nya negara di luar Jerman yang menyaksikan Infineon mempunyai kemudahan proses ujian dan pengumpulan *Wafer Fabrication* untuk kilang berkenaan.

Semasa lawatan itu, Perdana Menteri telah diberi taklimat berhubung operasi kilang tersebut yang memiliki seramai 9,000 pekerja dan mendengar pandangan serta cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan dan pekerja Infineon susulan pasca Covid-19.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 September 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pencemaran Sungai Gong: Tindakan di bawah SOSMA
Muka Surat	:	13

Pencemaran Sungai Gong: Tindakan di bawah SOSMA

PUTRAJAYA: Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang menunggu keputusan daripada Jabatan Peguam Negara (AGC) mengenai tindakan untuk menyiasat dan melakukan pendakwaan terhadap individu yang terlibat dalam jenayah terancang memabatkan pencemaran alam sekitar mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Timbalan Pengarah (Siasa-

tan/Perundangan) Jabatan Siasatan Jenayah PDRM, Deputy Komisioner Mior Faridalathrash Wahid berkata, pihaknya akan melakukan kajian dalam membantu Kementerian Alam Sekitar berhubung aspek penguatkuasaan berdasarkan kekuatan anggota yang dimiliki sekarang.

Jelasnya, walaupun berdepan dengan isu kekurangan anggota polis seperti dilaporkan media baru-baru ini, namun isu mem-

babatkan jenayah alam sekitar perlu diberikan perhatian serius dan keutamaan pihaknya.

"Kita sudah merujuk AGC sama ada boleh atau tidak diambill tindakan di bawah SOSMA secara keseluruhannya memabatkan isu jenayah alam sekitar. Bagi peringkat permulaan, kita akan melihat kepada isu pencemaran yang berlaku di Sungai Gong.

"Contohnya, kejadian di Su-

ngai Gong kita bantu dengan menggunakan unit forensik bagi mendapatkan keterangan untuk mendakwa pesalah di mahkamah," katanya dalam sidang media di sini semalam.

Beliau mengulas pengumuman Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man mengenai penubuhan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar (UCJAS) antara kementerianya dengan kerjasama

strategik Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi menangani sindiket jenayah terancang berkaitan alam sekitar di negara ini.

Pasukan khas itu akan melibatkan kekuatan anggota daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Biokeselamatan (JBK) serta PDRM yang dijangka dapat beroperasi pada awal bulan depan.



KERATAN AKHBAR 15 September 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kita terlalu bagi muka
Muka Surat	:	16



BARU-BARU ini, penduduk di tujuh wilayah di Kuala Lumpur dan Selangor menderita kerana mengalami gangguan bekalan air bersih selepas operasi empat loji rawatan air (LRA) dihentikan berikutan air sungai tercemar. Hampir 1.2 juta pengguna terkesan dengan mala petaka itu. Punca pencemaran sungai dipercayai dari sebuah kilang menyelenggara mesin dan jentera di Rawang.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar Selangor, Hee Loy Sian, siasatan awal Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mendapati kilang itu gagal melakukan penyimpanan sisa minyak buangnya mengikut syarat-syarat ditetapkan. Kilang tersebut sebelum ini pernah dikompain RM60,000 atas kesalahan sama. Kenyataan Loy Sian menunjukkan kompaun sahaja belum mampu membetulkan keadaan.

Hukuman lebih berat dan setimpal perlu diwujudkan, misalnya tempoh penjara yang lama, kilang dirobohkan, jentera dan peralatan disita dan dimusnahkan. Selain denda tinggi, pesalah diwajibkan membayar pampasan untuk menampung kos kerajaan menjalankan kerja pembersihan sungai dan pemulihan alam sekitar yang tercemar.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pula bertitah, mana-mana bangunan kilang yang didirikan di tepi sungai dan menjadi punca pencemaran sungai hendaklah dirobohkan. Baginda bertitah agar kerajaan negeri bertindak lebih tegas. Baginda juga tidak mahu ada campur tangan ahli-ahli politik dalam perkara itu.

Pada 2016, pencemaran sungai menyebabkan LRA Semenyih ditutup selama empat kali, mengakibatkan beberapa kawasan di Hulu Langat, Kuala Langat, Sepang dan Petaling mengalami gangguan bekalan air. Pada masa itu, Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim mencadangkan denda maksimum dinaikkan sehingga RM1 juta dan pemilik kilang dipenjarakan sehingga 10 tahun.

PENDUDUK membawa botol dan bekas kosong untuk mendapatkan bekalan air daripada lori tangki Air Selangor di Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI



Kita terlalu bagi muka

“ Kita ada undang-undang alam sekitar yang sudah lapuk, tidak mampu menangani masalah pencemaran sungai.”

Dalam insiden terbaru ini, polis menahan empat lelaki yang merupakan pemilik kilang kerana disyaki memencemarkan Sungai Gong, Rawang. Pada 6 September lalu, polis mendapatkan perintah reman selama enam hari dari Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

PEMUTIHAN
 Mengikut laporan media, kerajaan negeri telah memberi peluang lagi kepada pemilik tanah dan kilang haram untuk membuat proses pemutihan sehingga hujung tahun ini. Kenyataan ini menyebabkan pihak tertentu bertanya: “Sudah 12 tahun pemilik kilang haram diberi masa, kenapa beri muka lagi kepada

mereka?” Pada hemat saya, selepas ini kerajaan perlu melaksanakan *polluter pays principle*, iaitu mewajibkan pencemar membayar sejumlah wang kepada pihak berkuasa untuk menjalankan kerja memulihkan kembali keadaan alam sekitar yang sudah tercemar kepada keadaan asalnya.

Australia bertindak sedemikian dengan menubuhkan Pihak Berkuasa Perlindungan Alam Sekitar (EPA). Kesatuan Eropah juga bertindak sama pada 2004. Perancis melaksanakannya dalam Artikel 4 Piagam Alam Sekitar negara itu, manakala Ghana mula menguatkuasakannya pada 2011. England dan Wales melaksanakannya di bawah *Environmental Damage (Prevention and Remediation) Regulations 2009*, manakala Amerika Syarikat melaksanakannya di bawah *Clean Water Act 1972*. Di bawah *Environmental Management Act 2002 Zimbabwe*, mana-mana orang yang disabit melakukan pencemaran alam sekitar boleh diperintahkan membayar kos untuk membersihkan semula alam sekitar yang telah dicemar olehnya (*cost of decontaminating the polluted*

environment). Pada asalnya, prinsip ini disebutkan sebagai Prinsip 16 Deklarasi Rio Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan 1992 yang mana Malaysia sejak awal lagi menyertainya. Malangnya selepas tiga dekad, kita masih lagi gagal melakukan sesuatu yang konkrit dan bermakna.

LEMAH
 Pada 2017, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (ketika itu), Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar ada menyatakan, kerajaan akan memperkenalkan Akta Perlindungan Alam Sekitar untuk memberi kuasa kepada jabatan Persekutuan bertindak ke atas industri yang menyebabkan pencemaran sungai. Akta itu nanti akan memberi kuasa kepada jabatan Persekutuan memaksa kilang haram dipindahkan atau diroboh. Beliau menambah, dalam kes pencemaran Sungai Semenyih disebabkan oleh kilang haram, agensi di bawah kementeriannya tidak boleh bertindak kerana perkara itu di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pada Mei 2019, apabila kes pencemaran Sungai Kim Kim di Pasir Gudang berlaku di mana hampir 6,000 orang penduduk daerah itu

terkesan, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (ketika itu) Yeo Bee Yin berkata, kerajaan bercadang menggantikan undang-undang alam sekitar sedia ada dengan satu akta baharu untuk memberi kuasa yang lebih sempurna dan mewujudkan hukuman lebih berat kepada penjenayah alam sekitar.

Soalnya, apa sudah jadi dengan undang-undang alam sekitar baharu yang dijanjikan oleh beberapa menteri pada masa itu?

Kesimpulannya, kita ada undang-undang alam sekitar yang sudah lapuk, tidak mampu menangani masalah pencemaran sungai. Kita ada PBT tetapi nampaknya masih lemah melaksanakan penguatkuasaan ke tahap yang rakyat mahu.

Kita berdepan dengan pendirian kerajaan negeri yang terus berlembut dan memberi muka kepada pemilik kilang haram. Akhir sekali, kita berdepan dengan realiti jabatan atau agensi Persekutuan tidak boleh bertindak kerana tidak ada kuasa berbuat demikian.

DATUK Salleh Buang ialah bekas Peguam Persekutuan di Jabatan Peguam Negara dan bekas Profesor Tamu di Universiti Teknologi Malaysia.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 September 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kasut Emas Khalid milik Sultan Selangor
Muka Surat	:	46



Kasut Emas Khalid milik Sultan Selangor

SHAH ALAM: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan membeli Kasut Emas bekas penyerang kebangsaan, Khalid Jamlus.

Selangor Royal Office dalam hantaran di Facebook rasmi semalam memberitahu, Kasut Emas tersebut dibeli pada satu nilai yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Penyerahan kasut tersebut diadakan dalam satu majlis ringkas di Istana Alam Shah,

Klang semalam.

Kasut Emas yang dimenangi Khalid pada 2002 itu juga akan diletakkan di Muzium Galeri Bola Sepak Selangor yang terletak di pekarangan Istana Alam Shah.

Khalid, 43, yang dianggap legenda bola sepak Perak dan pernah menarung jersi Selangor dari 2005 hingga 2006 sebelum ini mencuri tumpuan apabila melong beberapa koleksi peribadi seperti pingat, jersi dan poster.

Dia bagaimanapun menegas-

kan, tindakan itu bukan berniat meraih simpati orang ramai, sebaliknya untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Khalid ketika dihubungi *Utusan Malaysia* enggan mengulas mengenai perkara itu, sebaliknya hanya akan mengeluarkan kenyataan rasmi dalam masa dua atau tiga hari.

Media sebelum ini melaporkan, Kasut Emas penjarang terbanyak Liga Perdana 2002 itu dijual pada harga RM99,999.



SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan membeli Kasut Emas bekas penyerang kebangsaan, Khalid Jamlus semalam. - IHSAN SELANGOR ROYAL OFFICE



KERATAN AKHBAR 15 September 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Empat pengarah pengurusan kilang didakwa hari ini
Muka Surat	:	4

PENCEMARAN SUNGAI GONG

Empat pengarah, pengurus kilang didakwa hari ini

Kuala Lumpur: Empat lembaga pengarah dan seorang pengurus kilang akan didakwa di Mahkamah Sesyen Selayang, hari ini berhubung kes pencemaran bau di Sungai Gong, Rawang, Selangor pada 3 September lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Selangor, Datuk Fadzil Ahmat berkata, kertas siasatan kes berkenaan sudah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara.

"Pertuduhan pertama terhadap lima tangkapan itu dibuat mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan yang dibacakan bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan. Sementara itu, pertuduhan kedua ke atas mereka dibuat mengikut Seksyen 25 Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 yang dibacakan bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan," katanya.

Menurutnya, empat lagi tangkapan lain dibebaskan dengan bon mengikut Seksyen 118 Kanun Prosedur Jenayah untuk dijadikan sebagai saksi.

"Pertuduhan itu akan dilakukan pada 15 September (hari ini) jam 8 pagi di Mahkamah Sesyen Selayang," katanya.

Sebelum ini, polis menahan beberapa individu dalam tangkapan berasingan berhubung kejadian pencemaran sumber air di Sungai Gong.

Susulan pencemaran minyak daripada kilang itu, Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang dihenti tugas, menyebabkan 1,292 kawasan di tujuh wilayah sekitar Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual sehingga 9 September lalu.



KILANG yang menyebabkan Sungai Gong tercemar sekali gus menyebabkan bekalan air terganggu di Lembah Klang.



KERATAN AKHBAR
15 September 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Pembeli Diraja
Muka Surat	:	47



SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan membeli Kasut Emas milik Khalid.

Pembeli Diraja

Sultan Selangor pemilik baharu trofi Kasut Emas Khalid

Oleh Syazwan Msar
 mohdsyazwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kali pertama kena tipu, kedua urusan pembelian tidak jadi di saat akhir sebelum yang ketiga Kasut Emas milik bekas pemain bola sepak kebangsaan, Khalid Jamlus dibeli Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Selepas hampir tiga bulan mencari pembeli, Khalid menerusi Facebooknya semalam memaklumkan trofi anugerah penjarang terbanyak Liga Malaysia itu menjadi milik Sultan Sharafuddin, namun tidak mahu mendedahkan nilai pembelian kasut berkenaan.

Bekas pemain kebangsaan itu berkata, walaupun khidmatnya tidak lama bersama Selangor, tuanku tetap menghargai jasanya yang berjuang untuk skuad Merah Kuning dan negara.

“Ampun tuanku, walaupun perjuangan saya bersama Selangor tak begitu lama tapi tuanku masih menghargai jasa saya bersama Selangor dan juga kebangsaan..cukup terharu,” katanya, di sini.

Sebelum ini, Arena Metro melaporkan bekas pemain Selangor dan Perak itu berhasrat menjual Kasut Emas yang dimenangi 18 tahun lalu selepas mengalami masalah kewangan sejak tiga tahun lalu.

Beliau dilaporkan berhadapan masalah selepas hilang pekerjaan selain sukar mendapatkan pekerjaan baharu akibat pandemik Covid-19.

Khalid merangkul Anugerah Kasut Emas selepas meledak 17 gol ketika membantu Perak muncul juara Liga Perdana 1 pada musim 2002.

Selain Kasut Emas, Khalid juga melong pelbagai barangan peribadi termasuk poster, jersi serta medal yang dimenangi sepanjang kariernya.

Sementara itu, Khalid ketika dihubungi enggan mengulas lanjut mengenai urus niaga berkenaan.

Dalam pada itu, menerusi satu kenyataan yang dimuat naik di Facebook Selangor Royal Office semalam, baginda membeli kasut berkenaan pada satu nilai yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Baginda juga berkenan untuk meletakkan trofi Kasut Emas itu di Muzium Galeri Bola Sepak Selangor yang terletak di pekarangan Istana Alam Shah, Klang selepas majlis penyerahan ringkas kasut di istana sama.

“**Walaupun saya bersama Selangor tak lama tapi tuanku masih hargai jasa saya**
 Khalid Jamlus



KERATAN AKHBAR 15 September 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	LZS kutip RM17 juta zakat melalui online
Muka Surat	:	7

LZS kutip RM17 juta zakat melalui online

Oleh **MOHD. YUNUS YAKKUB**

SHAH ALAM – Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah melakukan pelbagai kempen bagi menarik orang ramai membayar zakat dan menjadi pembayar zakat baharu termasuk menerusi pembayaran secara dalam talian.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Saipolyazan M. Yusop berkata, langkah dimulakan semasa awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berjaya mengutip RM17 juta pembayaran zakat fitrah menerusi pembiayaan dalam talian setakat ini.

Katanya, pembayaran zakat secara dalam talian berfungsi dalam memudahkan dan memperbanyakkan orang membayar zakat.

“Unjuran kita sehingga hujung tahun ini adalah jumlah keluarga fakir dan miskin di Selangor meningkat kepada 80,000 orang daripada 65,000.

“Pihak kami terpaksa membuat penstrukturan mengikut Maqasid Syariah dengan fokus kepada mereka yang memerlukan bantuan makanan dan tempat tinggal terlebih dahulu,” jelasnya.

Tambahnya, LZS berharap dapat kutip lebih RM800 juta tahun ini atau bantuan terpaksa dikurangkan pada tahun depan.

Kosmo! semalam melaporkan kutipan zakat di Selangor merekodkan penurunan ketara sehingga 31 peratus berpunca daripada faktor kekangan kewangan yang dihadapi pembayar zakat



KERATAN muka depan **Kosmo!** semalam.



Pihak kami terpaksa membuat penstrukturan mengikut Maqasid Syariah dengan fokus kepada mereka yang memerlukan bantuan makanan dan tempat tinggal terlebih dahulu.”

SAIPOLYAZAN M. YUSOP

susunan pelaksanaan PKP bagi membendung penularan pandemik Covid-19 sejak Mac lalu.

Menurut Saipolyazan, pihaknya turut menjangkakan jumlah pembayar zakat baharu akan meningkat menjadi 326,000 tahun ini berbanding tahun lalu hampir 311,000 dengan kerjasama bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) contohnya dalam akses lebih ramai pembayar zakat dalam membantu asnaf.

Ujar beliau, peruntukkan RM1 juta turut disalurkan untuk pekerja-pekerja di syarikat yang terjejas susulan PKP akibat Covid-19 di syarikat yang menjadi pembayar zakat kepada LZS.



KERATAN AKHBAR 15 September 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Ramai pesakit mohon bantuan perubatan
Muka Surat	:	17

Ramai pesakit mohon bantuan perubatan

SHAH ALAM – Kementerian Kesihatan mendapati pesakit paling banyak membuat permohonan tabung bantuan perubatan adalah terdiri daripada penghidap penyakit tidak berjangkit.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr. Rohaizat Yon berkata, mereka memohon bantuan bagi pembelian ubat, peralatan, rawatan, susu khas dan lampin pakai buang.

Menurutnya, kebanyakan mereka terdiri daripada golongan tidak berkemampuan.

“Pesakit yang ramai buat permohonan merupakan penghidap penyakit tidak berjangkit contohnya darah tinggi, kencing manis, jantung, buah pinggang dan strok yang memerlukan kerusi roda.

“Justeru, kita sentiasa mengalu-alukan bantuan seperti dilakukan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam membantu pesakit daripada golongan kurang berkemampuan yang amat memerlukan,” katanya selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Dana Tabung Kebajikan Pesakit Hospital Lembaga Zakat Selangor semalam.

Terdahulu, LZS memberi sumbangan sebanyak RM1.77



SAKIT jantung antara penyakit tidak berjangkit yang memerlukan perbelanjaan dan rawatan susulan. – GAMBAR HIASAN

juta kepada 17 buah hospital di Selangor dan Kuala Lumpur yang disampaikan Timbalan Pengerusi LZS, Datuk Dr. Aziuddin Ahmad kepada pihak hospital.

Hospital Kuala Lumpur merupakan penerima tertinggi sumbangan zakat sebanyak RM300,000 diikuti dengan Pusat Perubatan Universiti Malaya dan Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM masing-masing menerima sumbangan zakat sebanyak RM200,000.



KERATAN AKHBAR 15 September 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor beli Kasut Emas milik Khalid Jamlus
Muka Surat	:	47

Sultan Selangor beli Kasut Emas milik Khalid Jamlus

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY
 BADLISHAH

SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menjadi pemilik baharu Kasut Emas milik bekas penyerang sensasi kebangsaan, Muhammad Khalid Jamlus selepas berkenan membeli anugerah individu paling bernilai dalam kancah bola sepak tempatan itu.

Khalid, 43, meluahkan rasa terharu terhadap keputusan baginda untuk memiliki Kasut Emas yang dimenangkannya ketika menyarung jersi Perak pada 18 tahun lalu dengan satu nilai yang dipersetujui kedua-dua pihak.

"Walaupun perjuangan saya bersama Selangor tidak begitu lama. Namun, Tuanku masih menghargai jasa saya bersama Selangor dan juga pasukan kebangsaan. Saya cukup terharu," kata Khalid dalam laman sosial Facebook peribadinya semalam.

Menerusi satu kenyataan dimuat naik di Facebook Selangor Royal Office semalam, baginda berkenan meletakkan Kasut Emas yang dimenangi Khalid pada 2002 itu di Muzium Galeri Bola Sepak Selangor di pekarangan Istana Alam Shah, Klang.

Sebagai rekod, penyerang yang pernah menyertai ujian percubaan dengan kelab Jerman, Eintracht Frankfurt itu, dinobatkan sebagai penjaring terbanyak



SULTAN Sharafuddin berkenan membeli Kasut Emas milik Khalid Jamlus (kanan) untuk ditempatkan di Muzium Galeri Bola Sepak Selangor di pekarangan Istana Alam Shah, Klang semalam.

Liga Perdana dengan 17 gol ketika mewakili Perak pada 2002.

Sepanjang bersama Perak, Khalid menjaringkan 50 gol dalam 104 perlawanan liga dari 1999 hingga 2004 sebelum menyarung jersi Selangor selama dua tahun pada 2005 dan 2006.

Baru-baru ini, Khalid mengemparkan arena bola sepak tanah air apabila melong pelbagai barangan peribadi termasuk menjual Kasut Emas itu atas faktor kewangan selepas tiga tahun tidak mempunyai pekerjaan.

Selepas beberapa bulan berusaha menjual Kasut Emas itu, akhirnya berhasil mendapat 'tuan' baharu selepas Khalid dikatakan menjadi mangsa penipuan pembeli pertama, sebelum urusan pembelian kedua tidak menjadi kenyataan sebelum ini.



KERATAN AKHBAR 15 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pindaan AKAS 1974 dibentang tahun depan
Muka Surat	:	12

Pindaan AKAS 1974 dibentang tahun depan

KUALA LUMPUR - Sebagai langkah meningkatkan kadar denda maksimum bagi kes pencemaran air di samping memastikan pendekatan itu bersifat pencegahan, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) akan dibentang untuk dipinda di Dewan Negara pada tahun depan.

Timbalan Menteri Alam Sekitar Dan Air, Senator Datuk Dr Ahmad Masrizal Muhammad berkata, jumlah denda maksimum dan minimum masih dimuktamadkan dengan mengambil kira pandangan pelbagai pemegang taruh dan pakar-pakar alam sekitar.

“Di bawah AKAS 1974, bagi kesalahan

berkaitan pencemaran air, denda maksimum boleh dikenakan sebanyak RM100,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya semasa menggulung perbincangan usul menjunjung kasih titah Yang di-Pertuan Agong di



14 TAHUN #KEKALNEUTRAL

Dewan Negara di sini semalam.

Sementara itu, Ahmad Masrizal berkata, pembangunan premis yang beroperasi berhampiran sungai perlu diberi perhatian serius bagi mencegah berlakunya pencemaran yang boleh menyebabkan terhentinya bekalan air bersih kepada rakyat.

Justeru, katanya, daripada aspek penguatkuasaan melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan terus dipertingkatkan dengan memeriksa punca pencemar termasuk kilang; loji kumbahan, bengkel dan lain-lain terutamanya yang terletak di hulu loji rawatan air.

“Operasi secara besar-besaran dengan kerjasama daripada pelbagai agensi penguat kuasa mengikut bidang kuasa masing-masing akan terus dilaksanakan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pemeriksaan punca pencemar,” katanya. - *Bernama*



KERATAN AKHBAR
15 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pasukan elit cegah jenayah alam sekitar
Muka Surat	:	20

Tuan Ibrahim pada sidang media di Putrajaya semalam.



Pasukan elit cegah jenayah alam sekitar

PUTRAJAYA - Kementerian Air dan Sumber Asli (KASA) menubuhkan pasukan elit bagi mencegah jenayah alam sekitar susulan beberapa isu dan kerumitan ketika menjalankan operasi.

Menterinya, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, pasukan yang turut dianggotai oleh unit penguat kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Biokeselamatan (JBK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menangani isu pencemaran secara proaktif dan holistik.

Menurutnya, pasukan elit itu dijangka dapat beroperasi sepenuhnya pada Oktober depan.

“Agensi penguat kuasa

dalam kementerian memerlukan sokongan sumber logistik, kepakaran forensik dan risikan, kekuatan anggota serta pemantapan undang-undang dan bidang kuasa bagi menangani masalah ini,” katanya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Khas KASA dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini semalam.

Beliau berkata, perbincangan susulan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan turut diadakan supaya unit tersebut dapat diperkukuhkan, selain melibatkan pertambahan jawatan dan peruntukan kewangan tambahan.

Menurutnya, mesyuarat juga bersetuju supaya PDRM mengambil tindakan segera

ke atas penjenayah alam sekitar dengan penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 akan diberikan kepada polis.

“Setakat ini perwakilan kuasa Akta Biokeselamatan 2007 telah diberikan kepada PDRM,” katanya.

Mengulas perkembangan terkini insiden pencemaran Sungai Gong, Rawang, Selangor, Tuan Ibrahim berkata, kertas siasatan oleh JAS dan SPAN telah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan lanjut.

Insiden pencemaran Sungai Gong pada 3 September lalu menyebabkan kira-kira lima juta pengguna di sekitar Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor berkenan beli trofi Kasut Emas Khalid
Muka Surat	:	23



Sultan Selangor berkenan beli trofi Kasut Emas Khalid



Sultan Sharafuddin berkenan membeli trofi Kasut Emas milik Khalid pada harga yang dipersetujui kedua-dua pihak.

Sultan Selangor berkenan beli trofi Kasut Emas Khalid

SHAH ALAM - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan membeli trofi Kasut Emas bekas pemain kebangsaan, Khalid Jamlus.

Melalui hantaran di laman Facebook Selangor Royal Office semalam, Kasut Emas tersebut dikatakan dibeli pada satu nilai yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Difahamkan, satu majlis ringkas bagi penyerahan trofi kasut berkenaan turut berlang-

sung di Istana Alam Shah, Klang.

Trofi Kasut Emas yang dimenangi Khalid pada 2002 itu juga akan diletakkan di Muzium Galeri Bola Sepak Selangor yang terletak di pekarangan Istana Alam Shah.

Nama Khalid yang dijulang sebagai antara pemain legenda Perak sebelum ini kembali diperkatakan selepas beliau bertindak melelong beberapa barangan miliknya termasuk jersi,

medal dan poster.

Khalid berkata, niat asalnya 'melepaskan' beberapa barangnya itu yang dianggap mempunyai nilai sentimental tersendiri adalah untuk menampung urusan perbelanjaannya sekeluarga.

Kedua-dua itu sekali gus menafikan 'cakap-cakap belakang' yang mengatakan beliau bertindak sedemikian hanya semata-mata mahu meminta belas simpati orang ramai.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Khalid terharu Sultan Selangor berkenan beli Kasut Emas
Muka Surat	:	40

Khalid terharu Sultan Selangor berkenan beli Kasut Emas

BEKAS penyerang kebangsaan, Khalid Jamlus mengakui terharu apabila Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan membeli trofi Kasut Emas miliknya, lapor **MUHAMMAD ZAKWAN NAZARALY**.

Khalid berkata, Sultan Sharafuddin tetap menghargai jasanya biarpun dia tidak lama mengerah kudrat bersama Selangor yang juga juara 33 kali Piala Malaysia.

"Ampun Tuanku... walaupun perjuangan saya bersama Selangor tak begitu lama, tetapi Tuanku masih menghargai jasa saya bersama Selangor dan juga (skwad) kebangsaan... cukup terharu," kata Khalid dalam satu hantaran di laman Facebook peribadinya semalam.

Terdahulu, Sultan Sharafuddin berkenan membeli trofi Kasut Emas tersebut pada satu nilai

yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Majlis ringkas bagi penyerahan trofi Kasut Emas tersebut turut berlangsung di Istana Alam Shah, Klang.

Trofi Kasut Emas yang dimenangkan Khalid selaku penjaring terbanyak Liga Perdana Satu pada tahun 2002 itu juga akan diletakkan di Muzium Galeri Bola Sepak Selangor yang terletak di pekarangan Istana Alam Shah.

Untuk rekod, Khalid, 43, pernah beraksi bersama skuad Gergasi Merah selama dua musim mulai 2005 hingga 2006.

